

TATAURUSAN DANA PENGERAK INDUSTRI BUKU NEGARA

1. PENGENALAN

Dana yang disalurkan oleh Kerajaan Malaysia ini bertujuan untuk membantu perkembangan dan pembangunan industri buku negara.

2. MATLAMAT DANA

Dana Penggerak Industri Buku Negara adalah bertujuan untuk:

- 2.1 Meningkatkan jumlah penerbitan buku umum judul baharu (fiksyen dan bukan fiksyen) karya asli dan terjemahan berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu dan untuk pelbagai peringkat pembaca.
- 2.2 Menyumbang kepada pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB) dalam industri penerbitan buku.
- 2.3 Memainkan peranan yang aktif dalam pelaksanaan Dasar Buku Negara untuk memastikan kegiatan pembangunan buku dijadikan salah satu perusahaan utama iaitu perusahaan budaya yang penting.
- 2.4 Membangunkan sumber manusia dalam industri perbukuan

3. URUS SETIA

Alamat Urus Setia Dana Penggerak Industri Buku Negara ialah:

Urus Setia,
Dana Penerbitan Penggerak Industri Buku Negara,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Aras 11, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460, Kuala Lumpur.

4. KATEGORI PENERBITAN

Dalam menggerakkan industri buku negara ini, bidang penerbitan yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- 4.1 Buku ilmiah
- 4.2 Buku umum bukan fiksyen
- 4.3 Buku umum fiksyen
- 4.4 Biografi/autobiografi/memoir
- 4.5 Buku remaja bukan fiksyen
- 4.6 Buku remaja fiksyen.
- 4.7 Buku kanak-kanak bukan fiksyen
- 4.8 Buku kanak-kanak fiksyen
- 4.9 Judul lain yang ditentukan oleh DBP

5. SPESIFIKASI BUKU

Spesifikasi buku untuk setiap kategori akan berdasarkan ketebalan manuskrip sama ada teks padat atau nisbah halaman teks dan jumlah ilustrasi.

BIL	JENIS	TEBAL MINIMUM MANUSKRIPT (Halaman)
1.	Buku Ilmiah	250
2.	Buku umum bukan fiksyen	250
3.	Buku umum fiksyen	250
4.	Biografi/autobiografi/memoir	250
5.	Buku remaja bukan fiksyen	150
6.	Buku remaja fiksyen	200
7.	Buku kanak-kanak bukan fiksyen	40
8.	Buku kanak-kanak fiksyen	40
9.	Judul lain yang ditentukan oleh DBP	Mengikut pertimbangan DBP

6. PEMOHON YANG LAYAK

- 6.1 Penerbit bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010200 (bahan bacaan) dan Bahagian Kewangan dan Bekalan DBP.
- 6.2 Individu warganegara Malaysia yang memiliki syarikat pemilikan tunggal.
- 6.3 Persatuan Penulis yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

7. AMAUN PEMBIAYAAN

Pembentangan akan diberikan kepada penerbit/individu/persatuan untuk kerja pembinaan judul (penyelidikan, penulisan, penilaian dan penyuntingan) dan penyediaan ilustrasi seperti yang berikut:

BIL.	JENIS	AMAUN (RM)
1.	Buku Ilmiah	30,000.00
2.	Buku umum bukan fiksyen	20 000.00
3.	Buku umum fiksyen	15 000.00
4	Biografi/autobiografi/memoir	20 000.00
5	Buku remaja bukan fiksyen	7 000.00
6.	Buku remaja fiksyen	7 000.00
7.	Buku kanak-kanak bukan fiksyen	5 000.00
8.	Buku kanak-kanak fiksyen	5 000.00
9	Judul lain yang ditentukan oleh DBP	Mengikut pertimbangan DBP

8. PERINGKAT PEMBIAYAAN

Pembiayaan kepada penerbit/individu/persatuan dibuat berdasarkan kemajuan projek seperti yang berikut:

BIL.	PERINGKAT	PERATUS (%)
1.	Kelulusan manuskrip lengkap oleh Jawatankuasa Induk Dana Penggerak Industri Buku Negara dan menandatangani perjanjian	20
2.	Manuskrip bersih diserahkan kepada urus setia dan disahkan oleh Urus Setia Penggerak Industri Buku Negara.	30
3.	10 naskhah buku contoh diserahkan kepada urus setia (Buku berjilid)	50
	JUMLAH	100

9. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENERBIT/INDIVIDU/PERSATUAN

- 9.1 Mengemukakan permohonan.
- 9.2 Menandatangani perjanjian dan disetemkan dokumen perjanjian tersebut.
- 9.3 Memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian.
- 9.4 Menyediakan manuskrip yang lengkap dan bersih untuk diserahkan kepada Urus Setia Dana Penggerak Industri Buku Negara.
- 9.5 Melakukan pembaikan berdasarkan komen dan cadangan oleh Jawatankuasa Dana Penggerak Industri Buku Negara dan menyerahkannya dalam tempoh yang ditetapkan.
- 9.6 Menyerahkan 10 naskhah buku kepada Urus Setia.

10. SOALAN LAZIM

1.	Bilakah tarikh tutup permohonan dana ini? Tidak ada tarikh tutup. Permohonan dibuka sepanjang masa sehingga diberitahu kelak.
2.	Adakah terdapat had permohonan kepada penerbit/individu/persatuan untuk memohon dana? Tiada had permohonan tetapi bagi penerbit/individu/persatuan yang telah menerima pembiayaan maksimum RM300,000.00, kelayakan pembiayaan seterusnya akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk PIBN.
3.	Adakah dana ini perlu dibayar semula kepada DBP? Tidak.
4.	Adakah dana ini membayai keseluruhan kos penerbitan? Tidak. Dana yang diluluskan hanya membantu penerbit dalam mengurangkan tanggungan kos penerbitan merangkumi kos penyelidikan, penulisan, penilaian, penyuntingan dan penyediaan ilustrasi sehingga manuskrip bersih, tidak termasuk kos pencetakan dan pemasaran.
5.	Apakah judul yang sesuai diterbitkan? DBP memberikan kebebasan kepada penerbit/individu/persatuan untuk memilih judul mengikut kategori. Akan tetapi, jawatankuasa berhak untuk mencadangkan judul yang lebih sesuai.
6.	Apakah bidang yang sesuai untuk diterbitkan? Penerbit boleh memilih bidang mengikut kategori dan spesifikasi yang ditetapkan.
7.	Mengapakah manuskrip ditolak? <ul style="list-style-type: none">✓ Himpunan kertas kerja.✓ Tesis yang masih belum diolah.✓ Banyak buku yang sama di pasaran.✓ Karya terjemahan.
8.	Hubungan penerbit/individu/persatuan dengan DBP? DBP tidak bertanggungjawab membantu pemasaran atau pengedaran buku penerbit/individu/persatuan. Semua hasil keuntungan atau jualan adalah hak penerbit.

9.	Hak Cipta Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987. Hak cipta adalah hak penulis atau tertakluk pada persetujuan antara penulis dengan penerbit.
10.	Apakah syarat-syarat perjanjian? Terma dan syarat ada terkandung dalam perjanjian. DBP berhak membatalkan perjanjian sekiranya penerbit/individu/persatuan gagal memenuhi syarat perjanjian.
11.	Jika berminat untuk memohon? Sila hubungi pihak urus setia untuk maklumat lanjut.

Disediakan oleh:

Urus Setia Penggerak Industri Buku Negara (PIBN),
Aras 11, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi urus setia:

- ❖ Encik Shahrin Nizal bin Mohd Nor – 03-2147 9174 (e-mel: shahrin@dbp.gov.my)
- ❖ Encik Shamsul Firdaus bin Rizyan – 03-2147 9498 (e-mel: shamsul@dbp.gov.my)